

# BAB 1

## Pengenalan:

# KURSUS KENEGARAAN MALAYSIA

Mohamad Idris Saleh



Setelah membaca bab ini para pelajar diharap akan dapat:

- Memahami objektif dan matlamat kursus kenegaraan.
- Mentakrif konsep-konsep penting dalam perbincangan tentang negara-bangsa.
- Mengenal pasti ciri-ciri umum sebuah negara-bangsa.
- Mengetahui faktor-faktor utama yang boleh membantu dan menghalang pembentukan sebuah negara-bangsa.
- Menilai kedudukan dan pencapaian matlamat negara-bangsa kepada generasi kini.
- Menjelaskan kepentingannya dalam menentukan kejayaan sesebuah negara di masa hadapan.

### Pengenalan

Kita telah terdedah kepada pengetahuan kenegaraan sejak sekian lama. Pendedahan ini berlaku samada dari pembacaan yang banyak dikarang oleh para sarjana atau melalui perbincangan yang memperkatakan kepentingan perkara ini. Pendedahan yang kerap dan telah lama menjadikannya seolah-olah sebati dengan kehidupan manusia itu sendiri. Bermula dengan kewujudan manusia yang mengamalkan cara hidup dan pemerintahan sendiri telah menggambarkan kepada kita betapa manusia sudah mengamalkan konsep kenegaraan sejak sekian lama. Disebabkan ia telah menjadi sebahagian daripada kehidupan mereka maka tidak hairanlah jika ramai orang mengakui bahawa kenegaraan sangat penting kerana ia berkait rapat dengan budaya, politik, ekonomi dan sejarah rakyat sesebuah negara. Apabila memperkatakan tentang kenegaraan maka kita tidak boleh lari dari memperkatakan sejarah sesebuah negara. Pengetahuan yang dalam mengenai sejarah sebuah negara adalah penting kerana ia dapat membantu seseorang mengetahui dan memahami perkara yang berlaku secara tepat, adil dan saksama terhadap sesebuah negara yang diselidiki atau dikaji. Sejarah perlu dipelajari untuk diketahui dan difahami serta dihayati untuk membantu ke arah menanam dan mengembangkan kesedaran dan kebanggaan terhadap negara. Kesedaran dan kebanggaan ini kemudiannya akan melahirkan pula perasaan cintakan negara atau dipanggil nasionalisme. Sebagai contoh kita akan merasa bangga dan sayang dengan bahasa Melayu dari sejarah. Sejarah menjelaskan kepada kita bahawa pada satu masa dahulu bahasa Melayu adalah bahasa perantaraan yang digunakan secara meluas dalam semua bidang seperti pendidikan, perdagangan dan sosial termasuk penyebaran agama bukan sahaja di negara kita tetapi juga di alam Melayu. Mempelajari sejarah tanahair juga dapat menerangkan kedudukan kita sebagai rakyat negara ini. Dengan itu ia dapat menimbulkan rasa kecintaan kepada diri, keluarga, bangsa dan negara. Rasa kecintaan yang mendalam ini akan mendorong kepada semangat kesetiaan dan rasa kesyukuran. Kita tetap bangga dan sayangkan negara sendiri walaupun negara orang yang kita lawati atau tinggal lebih baik namun kecintaannya tetap kepada negara sendiri bak kata pepatah “hujan emas di negari orang hujan batu di negeri sendiri”.

Peristiwa sejarah juga dapat dijadikan iktibar terutama kepada golongan muda. Mereka boleh mengambil teladan yang baik dan menjadikan sempadan perkara yang tidak baik dari sesuatu peristiwa sejarah yang berlaku. Sebagai contoh golongan muda dapat memahami dan menghargai perjuangan mencapai kemerdekaan. Dari situ mereka akan tahu susah payah yang dialami pejuang untuk mendapat kemerdekaan daripada penjajah Inggeris. Keinsafan yang timbul dalam setiap diri generasi baru tentang penderitaan dan pahit maung yang dialami semasa penjajahan boleh mendorong mereka memelihara kemerdekaan yang dikecapi terlepas dari genggaman.

Sejarah juga dapat menjelaskan apa yang telah berlaku dan menilai setakat mana kemajuan yang telah dicapai oleh negara. Sebagai contoh kita akan faham perubahan struktur ekonomi negara kita dari mengamalkan ekonomi sara diri kepada perdagangan yang berlaku semasa zaman penjajah kerana matlamat mereka datang ke sini adalah

untuk mencari seberapa banyak keuntungan yang boleh dibawa balik ke negara asal mereka. Dari sejarah juga kita faham akan kesan yang berlaku kepada masyarakat akibat dari perubahan struktur ekonomi tersebut seperti wujud pengenalan kaum mengikut sektor ekonomi dan jurang kemiskinan yang besar antara kaum. Kerana itu dasar kerajaan yang cuba mengagihkan kekayaan yang lebih adil dan sama rata kepada penduduk untuk tujuan perpaduan tidak harus ditentang, sebagai contoh pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru (DEB). Masyarakat bukan Melayu akan menerima dengan lapang dada dasar ini malah akan terus membantu melaksanakannya jika mereka memahami bahawa orang Melayu sudah lama ketinggalan dalam bidang ekonomi akibat dari dasar ekonomi yang diamalkan oleh penjajah sejak beratus-ratus tahun berbanding hanya 20 tahun DEB dilaksanakan oleh kerajaan. Dasar Inggeris ini telah lama mereka kecapai lantas memberi kelebihan kepada mereka untuk berjaya dalam lapangan ekonomi.

Pengetahuan atau pemahaman terhadap sejarah yang baik juga boleh membentuk jati diri yang akan menjadi kebanggaan diri, keluarga dan kaum sendiri lantas mempengaruhi sikap kesetiaan (*loyalty*) dan sayang kepada diri, keluarga dan kaum sendiri. Sikap ini akan terus dipanjangkan pula kepada negara yang dipanggil nasionalisme atau sayangkan negara. Semangat patriotisme atau semangat sanggup berkorban untuk mempertahankan kedaulatan negara pula akan timbul bila seseorang mencintai negaranya dengan sepenuh hati. Seorang warganegara yang tidak mengetahui dan memahami sejarah asal-usul dan selok belok negaranya tidak akan menghargai dan mencintai diri, keluarga, bangsa dan negaranya. Lantas bagaimanakah kita hendak mengharapkan warganegara seperti ini untuk mempertahankan kedaulatan negaranya dan segala bentuk ancaman yang mendatang. Pemupukan semangat kesetiaan dan patriotisme kepada negara di kalangan generasi baru di Malaysia sangat penting dan perlu dilakukan setiap masa secara berterusan. Keadaan masyarakat Malaysia yang kompleks kerana penduduknya terdiri dari masyarakat majmuk menyebabkan perkara ini tidak boleh dipandang ringan. Rakyat Malaysia walaupun hidup dan tinggal bersama dalam sebuah negara yang merdeka namun mereka dipisahkan oleh tempat tinggal, budaya serta cara hidup yang berbeza sejak sekian lama kerana faktor-faktor sejarah. Rakyat dipisahkan oleh beberapa suku kaum seperti Melayu, Cina dan India. Orang Melayu tinggal di kampung-kampung, Cina di bandar-bandar yang wujud selepas kawasan lombong bijih timah berkembang maju dan orang India pula terus tinggal di estet-estet. Mereka mengamalkan bahasa, agama, sistem pendidikan dan adat istiadat yang berbeza. Jurang perbezaan yang besar wujud antara mereka sekian lama hasil daripada tinggalan Inggeris ini telah menghalang perpaduan dan integrasi kaum.

Perasaan cintakan negara dan semangat sanggup berkorban untuk negara mesti dipupuk dan digalakan tumbuh segera di kalangan masyarakat yang berbilang kaum. Kesedaran yang mendalam tentang perlunya masyarakat yang bersatu padu setelah diintegrasikan ke dalam satu bangsa akan dapat dibuat dengan lebih berjaya jika generasi sekarang sedar bahawa negara kita telah melalui pelbagai zaman dan cabaran. Semua orang sepatutnya sedar bahawa sebuah negara yang maju hanya akan wujud apabila keamanan dan kemakmuran dapat diwujudkan. Keamanan dan kemakmuran pula hanya akan dapat dicapai apabila semua penduduknya hidup dalam keadaan bersatu padu dengan saling hormat menghormati antara satu sama lain. Penekanan yang banyak terhadap sejarah dalam kenegaraan menyebabkan ramai orang menganggap kenegaraan adalah satu kursus yang di dalamnya penuh dengan peristiwa dan fakta sejarah sahaja. Kita terpaksa menerima hakikat bahawa kita mesti memperkatakan sejarah masyarakat dan negara sebagai latar belakang untuk memahami sesuatu bangsa dan negara yang hendak dipelajari. Fakta sejarah sesebuah masyarakat dan negara itu akan berfungsi sebagai pembantu kepada keperluan untuk lebih mudah memahami segala perkara mengenai sesebuah bangsa dan negara. Dengan lain perkataan kita akan lebih mudah memahami sesuatu bangsa dan negara itu jika pengetahuan mengenai sejarah, fakta dan asal-usul negara tersebut diketahui dengan baik terlebih dahulu. Namun di sebaliknya penuh dengan fakta tentang sejarah sahaja ada banyak lagi perkara yang terkandung dalam masyarakat dan negara itu selain daripada sejarah itu sendiri yang perlu diketahui seperti ekonomi, politik dan sosial yang menjiwai masyarakat dan negara itu. Kita harus menggabung dan merentas sempadan berbagai disiplin ilmu yang berbeza apabila memperkatakan tentang kenegaraan. Sebagai contoh kita tidak akan memahamai kenapa orang Melayu dan konsep ketuanan Melayu begitu penting dalam kesinambungan politik Malaysia hari ini jika kita tidak memahami sejarah awal dan asal-usul negara ini. Gabungan beberapa disiplin ilmu yang membentuk kursus Kenegaraan telah menjadikan kandungan kursus ini nampak banyak dan terlalu luas. Justru pengajaran dan pembelajaran yang merentas sempadan ilmu menjadi begitu relevan. Sehubungan itu, pemilihan dan pengolahan fakta-fakta penting dari pelbagai disiplin ilmu

perlu dipilih dan diolah serta dihubungkan secara teliti dan menyeluruh supaya dapat menerangkan sesuatu fenomena yang berlaku secara tepat dan berkesan.

Pendekatan secara aplikasi dengan menggunakan fakta dari disiplin lain termasuk faktor semasa dan sejarah sebagai asas perbincangan akan menjadikan kenegaraan sentiasa segar dan relevan untuk diperkatakan seiring dengan kejadian yang berlaku dalam masyarakat dan negara. Isi kandungan yang dibuat secara terpisah-pisah mengikut keperluan disiplin ilmu masing-masing akan menyebabkan isi kandungan sesuatu isu atau tema itu akan menjadi sangat panjang. Masa yang lama turut diperlukan untuk menyampaikan setiap disiplin ilmu tersebut secara bergilir-gilir. Ditambah pula sikap sambil lewa dan memandang mudah kepada kenegaraan boleh mendorong berlaku tindak-tanduk yang negatif. Menginsafi kepentingan perkara ini, kursus ini secara sedar cuba menghindarkan diri daripada mengulangi kesilapan itu dengan cara menjadikannya disiplin ilmu yang berdiri sendiri dengan menggunakan semua sumber yang ada supaya lebih menarik tanpa mengeneipkan kesesuaian dengan matlamat serta objektif kursus iaitu mewujudkan warganegara yang baik yang tahu tanggungjawabnya kepada negara.

## Objektif Kenegaraan

Dalam disiplin sains politik kenegaraan selalu dirujuk sebagai pembinaan negara-bangsa. (Asnarulkhadi Abu Samah dan Jayum A. Jawan, 1997). Secara umum kedua-dua disiplin sejarah dan sains politik menekankan kenegaraan mempunyai definisi dan matlamat yang sama iaitu melahirkan rakyat atau warganegara yang baik dan bertanggungjawab dalam usaha membentuk sebuah negara dan bangsa yang bersatu padu dan dihormati.

Pendapat ini turut disokong oleh Zainal Kling (1985) yang menyatakan subjek kenegaraan adalah untuk melahirkan warganegara yang baik dan bertanggungjawab. Warganegara yang baik mesti mempunyai tanggungjawab terhadap diri, keluarga, masyarakat dan negara (Wan Hashim Wan Othman, 1993). Tanggungjawab itu seperti menjaga maruah, keselamatan, keamanan, perpaduan dan di samping itu sentiasa berusaha untuk memajukan diri, keluarga, bangsa dan negara dalam semua bidang. Bagaimanapun seorang warganegara yang baik dan bertanggungjawab hanya akan dapat dilahirkan jika ia telah mengetahui dan memahami fakta negaranya dari mula hingga apa yang wujud pada hari ini. Pengetahuan dan pemahaman sejarah yang mendalam tentang selok belok negara itu akan menjadi asas pembentukan peribadi seorang warganegara yang baik. Warganegara yang baik dan bertanggungjawab juga perlu mengetahui latarbelakang warisan budaya dan perkembangan sejarah bangsanya.

## Negara-Bangsa

Perkataan negara dan bangsa bukan perkara yang asing lagi bagi kebanyakan orang. Seperti yang telah dijelaskan pada peringkat awal, ia telah wujud begitu lama seiring dengan kewujudan manusia bila mereka hidup berkelompok dan mula mengamalkan cara pemerintahan masing-masing. Kemudian timbul pula perkataan negara-bangsa. Sekali pandang ia memang nampak mudah yang seolah-olah merupakan gabungan dua perkataan negara dan bangsa yang telah diketahui oleh ramai orang. Walaupun perkataan ini agak baru pada sesetengah orang namun ia bukanlah begitu asing kepada sesetengah yang lain terutama bagi mereka yang mendapat pendidikan dalam bidang sains politik dan sejarah. Secara ringkas negara-bangsa mesti mempunyai tiga komponen utama iaitu negara, individu dan bangsa. Negara merujuk kepada wilayah kewujudan kelompok manusia. Sementara bangsa pula satu kesatuan manusia yang hidup dalam sesebuah negara. negara-bangsa terdiri dari dua perkataan yang berbeza iaitu negara dan bangsa. Negara atau *state* adalah satu unit politik yang mempunyai kedaulatan dan mempunyai kedaulatan dan tanggungjawab serta kuasa untuk menjalankan hal-ehwal pentadbiran sendiri.

Jika kita tinjau dari sudut undang-undang pula khususnya undang-undang antarabangsa maka terdapat empat elemen penting yang mesti ada dalam menentukan kewujudan sesebuah negara. Negara biasanya ditakrifkan sebagai kawasan tertentu yang mempunyai sempadan yang jelas, ada penduduk tinggal di situ, terdapat sebuah kerajaan yang sah memerintah dan kerajaan itu pula mestilah berkesan dalam menjalankan pemerintahan (Zainal Abidin Abdul Wahid, 1997).

Berdasarkan kepada beberapa definisi di atas maka dalam konteks Malaysia sebagai sebuah negara contoh, adakah negara kita mempunyai ciri-ciri sebagai sebuah negara-bangsa? Malaysia memang mempunyai sempadan yang jelas untuk menentukan lokasi negara. Malaysia bersempadan dengan Thailand di sebelah utara dan

Singapura di sebelah selatan. Di sebelah timur pula sempadan negara ditentukan dengan jelas antara Malaysia dengan negara Brunei, Indonesia dan Filipina. Dari segi pemerintahan Malaysia pula ia ditadbir oleh kerajaan Barisan Nasional yang mendapat mandat daripada rakyat secara pilihanraya. Kerajaan ini pula dibantu oleh badan perundangan untuk menentukan perjalanan pentadbiran kerajaan berjalan lancar dan teratur. Dari segi penduduk yang tinggal di dalam negara itu pula ia didiami oleh berbagai kaum seperti Melayu, Cina, India dan lain-lain yang menjadi warganegaraanya.

Bangsa atau *nation* pula selalunya diertikan sebagai kewujudan kumpulan manusia tertentu yang memiliki beberapa ciri yang sama. Persamaan ini boleh terjadi daripada berbagai perkara seperti unsur-unsur jasmani, politik, dan kebudayaan (Zainal Abidin Abdul Wahid, 1997). Ciri-ciri persamaan yang wujud menjadikan kelompok manusia yang tinggal itu tergolong dalam kumpulan atau golongan yang sama dalam serba segi. Sebagai contoh orang Melayu hanya dikenali sebagai Melayu apabila semua anggota kelompoknya mengamalkan bahasa, agama, cara hidup dan adat istiadat Melayu. Mereka memilki nilai-nilai yang sama dan nilai-nilai ini akan mengikat mereka ke dalam satu kumpulan dan dengan sendirinya wujud integrasi dan perpaduan.

Namun jika sesebuah negara itu (dengan mengambil contoh Malaysia), mempunyai banyak suku kaum yang tinggal dan mereka pula mengamalkan cara hidup, budaya dan kepercayaan yang berbeza, maka situasi seperti ini masih belum boleh dianggap sebagai satu bangsa. Walaupun mereka tinggal bersama dan hidup dalam aman damai dan wujud perpaduan antara mereka namun sebenarnya mereka masih dipisahkan oleh banyak faktor seperti tempat tinggal, bahasa, kepercayaan dan mengamalkan adat istiadat yang berbeza. Dengan kata lain mereka sebenarnya belum diintegrasikan. Mereka masih dikenali dengan kaum masing-masing iaitu Melayu, Cina, India dan lain-lain. Malah lebih merumitkan lagi apabila setiap kaum berusaha untuk mengekalkan identiti kaum masing-masing.

Manusia yang hidup dalam keadaan yang terintegrasi tanpa perbezaan yang besar di antara mereka dianggap sebagai satu bangsa. Mereka dapat menyumbang kepada kestabilan dan kemakmuran masyarakat dan seterusnya kepada negara. Perkara ini berlaku kerana mereka terhindar daripada sebarang konflik kaum yang merugikan. Pergaduhan dan pergeseran dapat dielakkan apabila tiada unsur persaingan yang boleh menimbulkan hasad dengki dan perasaan tidak puas hati antara kaum yang bersaing dalam sesuatu wilayah atau negara.

Namun dari segi praktiknya kedua-dua definisi di atas ada kekecualiannya dan sukar untuk dilaksanakan. Sebenarnya tidak ada satu negarapun di dunia ini yang mempunyai penduduk yang terdiri daripada satu keturunan etnik sahaja yang tinggal di negara itu dan mengamalkan bahasa, cara hidup, kepercayaan dan adat istiadat yang sama. Mereka dipisahkan oleh keturunan, dialek dan lokasi yang akan menentukan kelompok mana mereka datang. Perkara ini berlaku kerana migrasi yang telah berlaku begitu lama mencorakkan penduduk dan negara baru. Perkara ini bertambah rumit apabila ada negara yang mengiktiraf semua etnik yang sama dengannya di sebarang laut sebagai warganegara negara mereka sebagai contoh Israel dan China (Zainal Abidin Abdul Wahid, 1994).

### Ciri-Ciri Negara-Bangsa

Ramai orang keliru dengan konsep negara-bangsa. Mereka mengambil jalan mudah dengan berpendapat jika ada negara dan ada penduduk yang tinggal di sesuatu negara itu maka wujudlah sebuah negara-bangsa. Walaupun konsep ini nampak mudah tetapi ia tidaklah semudah seperti kita mencampurkan perkataan negara dengan bangsa sahaja. Sebuah negara-bangsa mesti mempunyai ciri-ciri tersendiri sebelum ia dapat disimpulkan sebagai sebuah negara-bangsa. Sebuah negara-bangsa mesti mempunyai sekurang-kurangnya tiga syarat utama sebelum ia boleh dikategorikan sebagai sebuah negara-bangsa (Zainal Abidin Abdul Wahid, 1994). Syarat pertama ialah penduduk yang terdiri dari beberapa suku kaum yang tinggal di situ hendaklah hidup dalam bersatu padu. Mereka tidak dipisahkan oleh fahaman perkauman yang sempit seperti kedaerahan, kepercayaan, bahasa, budaya, pekerjaan, tempat tinggal dan sebagainya yang boleh membawa kepada perpecahan.. Penduduk mesti menerima hakikat bahawa mereka tinggal dalam satu negara yang berbilang kaum dan budaya. Penduduk mesti disatu dan integrasikan melalui pengwujudan dan penggunaan simbol serta lambang kebangsaan. Simbol dan lambang kebangsaan ini akan menjadi alat untuk menyatukan semua suku kaum yang terdapat dalam negara itu. Mereka bersatu disebabkan oleh satu nilai kebangsaan yang mereka terima, miliki dan amalkan bersama dengan terbuka tanpa paksaan. Jika nilai dan simbol ini dipaksakan maka akan lahir sikap kepura-puraan yang akan membentuk interaksi dan perpaduan yang dibuat-buat, cantik dipandang tetapi hakikatnya amat buruk serta bahaya.

Nilai dan simbol kebangsaan yang dimiliki bersama ini akan menjadi alat untuk mengikat mereka sebagai satu kelompok besar manusia yang bukan sahaja menerimanya secara terbuka tanpa paksaan, tetapi bangga memiliki dan mengamalkannya. Sebagai contoh Dasar Pendidikan Kebangsaan (DPK). Dasar ini menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar di semua peringkat supaya dapat melahirkan warganegara yang boleh berinteraksi secara terbuka dengan semua kaum di Malaysia. Interaksi yang kerap dan terbuka ini akan melahirkan perpaduan apabila semua kaum boleh memahami antara satu sama lain. Penerimaan dan penggunaan oleh semua kaum bahawa bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar dan bahasa rasmi negara sebagai simbol kebangsaan boleh membantu membentuk negara-bangsa Malaysia dengan kadar yang lebih cepat.

Kedua, majoriti besar rakyat mesti berpegang kepada ideologi politik yang sama iaitu demokrasi liberal. Perbezaan yang wujud di kalangan mereka sepatutnya hanya berbeza dari segi kaedah atau cara untuk mencapai matlamat sahaja. Jika semua rakyat mengamalkan fahaman politik seperti ini maka tidak akan wujud kegawatan politik yang boleh memudaratkan rakyat dan negara. Mereka akan bertindak mengikut peraturan yang ditetapkan dalam usaha untuk mencapai matlamat politik masing-masing iaitu demokrasi. Syarat ketiga ialah kepercayaan dan keyakinan yang tinggi kepada sistem pemerintahan dan undang-undang negara. Rakyat mesti patuh kepada undang-undang dan yakin bahawa undang-undang dan sistem pentadbiran yang diamalkan mampu memberi perlindungan dan keadilan kepada mereka. Keyakinan dan kepercayaan yang tinggi akan menjadi lebih berkesan apabila rakyat pula percaya bahawa sistem pentadbiran dan kehakiman yang dilaksanakan bukan sahaja nampak adil tetapi diyakini bahawa ia telah dilaksanakan dengan berkesan dan adil. Jika rakyat tidak yakin lagi kepada kedua-dua sistem ini samada akibat sistem itu sendiri atau perlaksanaannya maka negara akan berada dalam keadaan huru-hara. Keadaan tidak tenteram ini akan menjadikan sebuah kerajaan itu dengan sendirinya tidak berkesan.

### **Faktor Yang Mempengaruhi Negara-Bangsa**

Walaupun pada dasarnya sebuah negara-bangsa boleh terbentuk apabila ia telah memenuhi ciri-ciri yang diperlukan seperti yang disebut di atas, namun usaha untuk membentuk sebuah negara-bangsa banyak dipengaruhi oleh faktor lain. Perhatian yang utama patut diberi kepada faktor-faktor tersebut jika kita tidak mahu melihat usaha membina sebuah negara-bangsa akan tinggal sebagai impian sahaja. Antara perkara penting yang akan menentukan tahap kejayaan sebuah negara-bangsa ialah integrasi, nasionaliti, nasionalisme, patriotisme, globalisme, kepelbagaian budaya, pluralisme, liberalisme, neo-feudalisme dan demokrasi. Faktor-faktor tersebut boleh menjadi pemangkin dan juga cabaran kepada pembentukan sebuah negara-bangsa (Abd. Rahim Abd. Rashid, 1996).

### **Integrasi**

Integrasi kaum dan wilayah adalah perkara asas bagi mengukuhkan perpaduan dan penyatuan masyarakat dalam sesebuah negara. Penduduk tidak harus lagi dikenali mengikut kaum dan wilayah mana mereka berasal. Kaum di Malaysia sebagai contoh sepatutnya menganggap diri mereka sebagai bangsa Malaysia bukan lagi Melayu, Cina atau India dan lain-lain. Mereka tidak harus lagi terasing mengikut wilayah timur atau barat seperti yang terdapat di Semenanjung dan Malaysia Timur. Kaum yang telah diintegrasikan sebagai sebuah bangsa tidak mampu lagi mengekalkan nilai-nilai kaum masing-masing seperti sikap kenegerian, perkauman dan fahaman kebangsaan yang sempit tetapi lebih mengutamakan matlamat kebangsaan.

### **Nasionaliti**

Elemen penting dalam kenegaraan dan kewarganegaraan ialah nasionaliti atau ketanahairan. Nasionaliti yang akan menjadi lambang kepada sesebuah rakyat negara itu dimiliki bersama oleh semua lapisan rakyat. Ia akan menjadi identiti kepada sebuah negara-bangsa. Sebagai contoh bendera Malaysia iaitu Jalur Gemilang yang menjadi lambang negara yang diterima oleh semua kaum tanpa ada unsur paksaan. Pemilikan dan penerimaan bendera kebangsaan sebagai simbol kebangsaan yang mengikat mereka dalam kelompok yang sama akan mewujudkan warganegara Malaysia yang baik. Sikap warganegara yang baik akan mendorong mereka mempunyai kesetiaan kepada negara dan dengan itu timbul perasaan sayang kepada negara lantas sanggup pula berkorban untuk bangsa dan kedaulatan negaranya.

## Nasionalisme

Nasionalisme ialah semangat cintakan tanahair. Semangat seperti ini timbul apabila seseorang itu insaf bahawa ia tidak mempunyai negara lain kecuali negara yang diduduki itu sahaja. Rakyat menerima negaranya dengan hati yang terbuka dan bangga dengan apa yang ada padanya. Sikap seperti ini menjadikan seseorang itu mencintai negaranya tanpa syarat.

Semangat nasionalisme sangat penting sebagai sebagai asas membina semangat kekuatan dan keyakinan diri untuk melahirkan perpaduan nasional. Jika seseorang itu tidak mempunyai semangat yang kuat cintakan negaranya maka perpaduan tidak akan dicapai. Semangat kebangsaan yang kuat bukan sahaja boleh mewujudkan perpaduan dan keharmonian tetapi juga menggembelengkan semangat, tenaga, keazaman dan cita-cita serta usaha untuk maju. Orang yang sayangkan negaranya tidak akan membiarkan negaranya. Mereka akan berusaha memelihara maruah dan kedaulatan negara samada waktu aman atau tidak. Di waktu aman mereka tidak membiarkan negaranya mundur tetapi terus berusaha mempersiapkan diri untuk membantu memajukan negara. Semasa perang pula mereka sanggup bergadai nyawa demi mempertahankan maruah dan kedualatannya. Dengan kata lain segala tindak tanduk semua kaum mesti berpaksikan kepentingan nasional dan bertindak sebagai sebuah bangsa bukannya kaum.

## Patriotisme

Patriotisme adalah semangat sanggup berkorban. Mereka sanggup berjuang dan berkorban untuk mempertahankan kedaulatan negara. Mereka melakukan perkara itu kerana mereka sayangkan negara. Mereka tidak rela maruah mereka tercalar apabila negara yang mereka cintai dijajah secara langsung atau tidak. Semangat rela berkorban ini lahir dari semangat nasionalisme yang begitu tebal dalam diri seseorang. Semangat patriotisme yang kuat yang dimiliki oleh setiap lapisan rakyat boleh membangunkan bangsa daripada kemunduran dan penindasan. Sebuah negara-bangsa yang kuat perlu kepada rakyat yang mempunyai keberanian, ketahanan mental, emosi dan fizikal dalam membentuk ketahanan nasional.

## Globalisme

Perkembangan pesat dalam penemuan sains dan teknologi telah banyak mempengaruhi dunia hari ini. Antara penemuan penting ilmu sains kepada dunia ialah teknologi maklumat. Ledakan teknologi maklumat telah menjadikan dunia semakin kecil. Dunia seolah-olah telah menjadi sebuah kampung yang di dalamnya terdapat segala-galanya. Dunia sudah tidak mempunyai sempadan lagi. Pergerakan manusia dan maklumat boleh bergerak dengan begitu mudah dan cepat tanpa dapat dihalang dan disekat. Segala-galanya sekarang bersifat global. Di sebalik kebaikan penemuan sains dan teknologi ini jika tidak ditangani dengan baik boleh mengundang musibah. Musuh akan mengeksploitasi teknologi ini untuk mengatasi lawan mereka. Globalisasi sekarang menjadi satu ancaman kepada negara-bangsa. Oleh yang demikian, nasionalisme dan patriotisme boleh menjadi benteng terakhir untuk mempertahankan negara daripada ancaman musuh akibat proses globalisasi. Bagaimanapun kejayaan berhadapan dengan globalisasi ini bergantung pula kepada setinggi mana semangat nasionalisme dan patriotisme yang dimiliki oleh penduduk sesebuah negara itu.

## Kepelbagaian Budaya

Aliran kepelbagaian budaya yang diamalkan oleh pelbagai kaum boleh menimbulkan cabaran yang serius kepada usaha pembinaan bangsa-negara. Pelbagai budaya yang diamalkan oleh pelbagai suku kaum tidak akan dapat mengintegrasikan semua penduduk kepada satu bangsa. Satu budaya kebangsaan yang boleh diterima dan diamalkan oleh semua kaum patut dipupuk dan dikembangkan sebagai satu budaya bersama yang membentuk identiti kebangsaan. Kesanggupan kaum lain menerima dan mengamalkan budaya kaum lain sebagai satu budaya baru bagi mereka akan menentukan kejayaan pembentukan sebuah negara-bangsa. Sebagai contoh Dasar Kebudayaan Kebangsaan (DKK) yang menjadikan budaya semua kaum sebagai sebahagian daripada unsur-unsur utamanya. Sementara budaya Melayu pula menjadi teras kepada budaya tersebut sesuai dengan kedudukannya yang mewakili majoriti penduduk negara ini. Sejauhmana kesanggupan kaum lain menerima dan mengamalkan budaya tersebut sebagai budaya baru mereka adalah antara langkah penentu untuk memastikan kewujudan integrasi kaum yang baik.

## Pluralisme

Sifat pluralisme telah didukung oleh masyarakat di Malaysia begitu lama. Mereka mengamalkan budaya masing-masing mengikut kaum dan mempertahankan budaya itu telah menjadikan masyarakat di sini dikenali sebagai masyarakat majmuk. Situasi ini berlaku kerana dasar “Pecah dan Perintah” yang diamalkan oleh Inggeris supaya kaum pendatang tidak bercampur dan bersatu dengan penduduk setempat bagi menjamin kelangsungan mereka di sini. Dasar Inggeris yang membahagikan kaum mengikut sektor pekerjaan, tempat tinggal dan pendidikan. Tambahan pula dengan setiap kaum mengamalkan bahasa, kepercayaan dan adat istiadat yang berbeza telah menambahkan lagi jurang perbezaan antara kaum lantas menjadi faktor utama kepada penghalang perpaduan kaum. Sifat pluralisme ini mesti dihapuskan atau dikurangkan. Ia boleh dilakukan melalui penyusunan semula masyarakat melalui dasar-dasar yang dijalankan oleh kerajaan. Antara inisiatif yang telah dijalankan ialah melaksanakan dasar seperti DPK, DEB dan DKK.

## Liberalisme

Fahaman liberalisme ialah fahaman yang membolehkan individu bebas melakukan apa sahaja yang difikirkan perlu dan sesuai dengan dirinya. Mereka mempunyai hak mutlak yang akan menjadi paksi utama dalam setiap pergerakan dan kegiatan manusia yang memegang fahaman ini (Marshall, 1998). Bagaimanapun fahaman yang memberikan kebebasan kepada individu, kelompok dan organisasi yang tidak terkawal boleh mengganggu perjalanan pembentukan sebuah negara-bangsa. Kebebasan tanpa had ini diburukkan lagi apabila ia disertai sikap materialistik. Sikap tamak ini telah mendorong seseorang berusaha dengan untuk kuat mengumpul harta dan kekayaan tanpa mempedulikan cara bagaimana memperolehinya telah menjadikan manusia terlalu mementingkan diri sendiri. Sikap buruk ini jika dibiarkan terus menebal di kalangan rakyat maka ia akan menyebabkan kepentingan nasional terabai dan usaha pembentukan sebuah negara-bangsa akan terancam. Sebaliknya rakyat yang telah diintegrasikan sebagai satu bangsa akan mengutamakan negara lebih daripada diri dan kaum sendiri.

## Neo-Feudalisme

Sesuai dengan perjalanan masa semua perkara akan turut berubah. Begitu juga dengan feudalisme. Sistem feodal adalah satu sistem pemerintahan cara lama di mana raja mempunyai kuasa mutlak. Raja mempunyai kuasa yang tidak terhad sesuai dengan keadaan pada masa itu membenarkan sesiapa yang kuat menjadi ketua atau raja. Pada hari ini juga terdapat satu kelompok masyarakat yang kuat. Bagaimanapun kuat pada hari ini tidak semestinya digambarkan sama kuat seperti masa dahulu iaitu memiliki tenaga dan kebolehan bermain senjata sahaja.

Sementara itu kuasa dan kekuatan pada zaman ini diukur dengan berapa banyak seseorang itu mempunyai duit, harta, ilmu pengetahuan dan teknologi yang tinggi serta pengaruh dari kuasa politik yang mereka miliki. Mereka yang tergolong dalam kumpulan ini boleh terjadi dengan berbagai cara seperti melalui pendidikan, pemiagaan dan yang paling banyak melalui politik. Penjelmaan kumpulan baru ini membentuk kumpulan elit atau aristokrat baru dalam masyarakat. Tindakan yang dimainkan oleh kumpulan ini sangat besar hingga boleh mempengaruhi sistem budaya, sosial dan politik sesebuah negara. Tindakan sebilangan kecil elit birokrat yang kuat dan kebal dari segi undang-undang dalam kerangka yang mereka cipta sendiri perlu disekat untuk memastikan demokrasi terus subur berkembang.

## Demokrasi

Demokrasi berkait rapat dengan amalan politik. Walaupun amalan ini memerlukan beberapa pra syarat sebelum ia boleh diterima sebagai demokrasi. Namun amalan ini dapat difahami dengan mudah apabila ia dihubungkan dengan perkataan “kerajaan rakyat, daripada rakyat untuk rakyat” (Marshall, 1998). Demokrasi merupakan syarat penting bagi pembentukan sebuah negara-bangsa. Amalan demokrasi mesti disebarluaskan seberapa banyak yang boleh kepada penduduk sebuah negara-bangsa. Tujuan amalan demokrasi secara meluas ini membolehkan rakyat mengambil bahagian secara luas dan

aktif dalam membentuk segala keputusan yang dibuat oleh kerajaan. Perkara ini berlaku kerana kerajaan yang membuat sesuatu dasar adalah datang dari rakyat sendiri yang memilih mereka melalui proses pilihanraya yang bebas dan adil. Perasaan tidak puas hati dapat diminimumkan jika amalan demokrasi dilaksanakan secara telus. Amalan demokrasi juga membenarkan kritikan dibuat. Bagaimanapun kritikan itu seharusnya bertanggungjawab untuk membina kebaikan bersama. Amalan demokrasi boleh melahirkan warganegara yang tahu kebebasan dan tanggungjawab kepada bangsa dan negara. Seorang warganegara yang baik dan bertanggungjawab tidak akan melemparkan kritikan yang bertujuan untuk menjatuhkan seseorang dan lebih buruk lagi jika ia bertujuan untuk memburuk-burukan negara kepada dunia luar. Sikap buruk ini boleh mengundang bencana kepada rakyat dan negara kerana dengan tindakan itu tidak mustahil negara akan dijajah semula samada secara langsung atau tidak.

Kesemua faktor di atas adalah penting untuk diberi perhatian bagi memastikan usaha untuk menjayakan matlamat mencapai perpaduan dan integrasi penduduk sebagai syarat kewujudan sebuah negara-bangsa. Kerajaan mesti mengambil langkah yang proaktif untuk mewujudkan dasar-dasar yang boleh menganjur dan mengembangkan lagi usaha pembentukan negara-bangsa. Di samping itu sikap rakyat juga tidak kurang pentingnya. Sejauh mana rakyat sanggup menerima dan berusaha tanpa terlalu memikirkan sangat kepentingan kaum masing-masing adalah menjadi kayu pengukur kepada kejayaan itu.

### Proses Pembentukan Negara-Bangsa

Sebuah negara-bangsa tidak boleh wujud sekelip mata. Sebuah negara-bangsa mesti melalui beberapa proses dan masa yang panjang. Sebuah negara itu mesti berjaya melalui dan melepasi halangan yang timbul dalam semua peringkat utama sebelum ia boleh dinamakan sebagai sebuah negara-bangsa (Hague & Harrop; Ahmad Fawzi Basri, Mohd. Mustafa Ishak dan Mohamad Idris Saleh, 1994). Empat proses utama itu ialah:

- a. *State-building* (bina-negara)
- b. *Nation-building* (bina-bangsa)
- c. *Mass participation* (penyertaan rakyat)
- d. *Politics of distribution* (pengalihan nilai-nilai dalam masyarakat)

Pergerakan dari satu tahap ke tahap yang lain yang perlu dilalui oleh setiap negara untuk mencapai tahap negara-bangsa tidak sama. Ia bergantung kepada tahap penerimaan dan sikap penduduk sesuatu tempat itu di samping sejauh mana kompleksnya struktur penduduk yang tinggal di situ. Semakin kompleks tahap penduduk disebabkan oleh pelbagai budaya, kepercayaan, bahasa, pekerjaan dan tempat tinggal maka semakin lama masa yang diperlukan untuk mencapai tahap sebuah negara-bangsa.

Kepelbagaian yang wujud ini menyebabkan teretusnya konflik dan persaingan antara kaum. Sebarang tindakan untuk memenuhi kehendak dan kepentingan kaum masing-masing akan sentiasa disalahertikan oleh kaum lain. Setiap kaum akan sentiasa berada dalam keadaan curiga dan saling tidak mempercayai antara satu sama lain. Kerana itu mereka sentiasa berusaha untuk berada dalam kelompok masing-masing dan berusaha untuk mengekalkan dan menguatkan nilai-nilai sendiri yang terasing supaya sentiasa merasa selamat.

Masa yang panjang diperlukan untuk menyelesaikan masalah yang wujud dan usaha untuk merapatkan jurang antara kaum sebelum boleh memasuki tahap seterusnya untuk membentuk negara-bangsa. Sebagai contoh kita lihat bagaimana Malaysia sebagai sebuah negara atau *state* yang mempunyai penduduk yang berbilang kaum yang mengamalkan pelbagai budaya terpaksa melalui proses yang panjang ini. Sehingga hari ini kita masih mencari titik persamaan yang wujud antara kaum untuk membentuk sebuah negara-bangsa Malaysia walaupun sudah merdeka lebih dari 47 tahun.

Konsep negara atau *state* ini hanya bermula pada tahun 1948 apabila Persekutuan Tanah Melayu ditubuhkan dengan melonggarkan pemberian taraf kerakyatan kepada orang bukan Melayu. Kemerdekaan Tanah Melayu pada tahun 1957 mengukuhkan lagi asas itu apabila ia diiktiraf sebagai sebuah negara yang merdeka dan berdaulat. Kemudian dengan gabungan beberapa buah negeri di kepulauan Borneo pada tahun 1963 Persekutuan Tanah Melayu telah ditukar nama kepada Malaysia sebagai sebuah negara. Pada



waktu Malaysia mencapai kemerdekaan dari penjajah Inggeris ia hanyalah sebuah negara atau yang berdaulat tetapi bukan sebuah negara-bangsa. Malaysia diperintah oleh sebuah kerajaan dari parti Perikatan yang dipilih oleh rakyat melalui pilihanraya. Kerajaan yang memerintah Malaysia pada waktu itu diiktiraf oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu. Bagaimanapun penduduk yang tinggal di negara itu kekal seperti semasa penjajah Inggeris berada di situ. Mereka terdiri dari berbagai kaum yang mengamalkan berbagai budaya. Setiap kaum masih dikenali mengikut sektor pekerjaan dan tempat tinggal. Dengan kata lain penduduk yang tinggal pada tahap ini masih belum diintegrasikan sebagai sebuah bangsa dan pada tahap pertama ini interaksi dan perpaduan kaum berada pada tahap yang paling rendah.

Tahap kedua memperlihatkan sedikit kemajuan dalam hubungan antara kaum. Perhubungan mereka pada tahap ini masih longgar kerana jurang perbezaan yang besar masih wujud antara mereka. Perhubungan yang longgar antara kaum ini dinamakan sebagai ciri-ciri masyarakat majmuk (Furnival, 1956). Sesebuah masyarakat itu dikatakan majmuk apabila terdapat lebih daripada satu etnik termasuk penduduk bumiputera tinggal di situ. Mereka bercampur tetapi tidak bersatu kerana dipisahkan oleh tempat tinggal, pekerjaan dan budaya. Tempat tinggal mereka berdekatan iaitu orang Cina tinggal di bandar-bandar yang kebanyakannya sebagai peniaga yang dikelilingi oleh orang Melayu yang tinggal di kampung-kampung sebagai petani dan nelayan. Sementara kaum India pula terus tinggal di ladang-ladang getah sebagai penoreh. Mereka mengamalkan budaya, pendidikan dan kepercayaan yang berbeza. Pada tahap ini interaksi antara mereka berada pada paras minimum. Mereka hanya bertemu apabila perlu seperti bertemu di pasar-pasar ketika menjalankan urusan sahaja.

Pada tahap ketiga perhubungan kaum menjadi semakin kompleks. Jalinannya agak rencam, pelbagai dan saling bergantung antara satu sama lain. Untuk mengatasi masalah ini perhubungan kaum perlu kepada satu iklim persefahaman yang harmoni bagi mendamai dan memenuhi kepentingan kaum lain supaya perpaduan dapat diwujudkan. Dengan lain perkataan kaum-kaum yang banyak mesti disatukan dengan cara merapatkan jurang perbezaan yang wujud di antara mereka. Titik persamaan perlu dicari dan ditonjol untuk disebarluaskan supaya nilai-nilai persamaan yang baik dapat diwujudkan. Kerjasama antara kaum juga perlu diperluaskan sebagai ikhtiar mewujudkan perpaduan dan integrasi nasional. Apabila rakyat sudah memiliki banyak titik persamaan antara mereka maka pada tahap ini, masyarakat telah diintegrasikan ke dalam satu bangsa yang bersatu dengan memiliki nilai-nilai yang sama dalam membentuk sebuah negara-bangsa.

## Negara-Bangsa Malaysia

Dunia sedang berhadapan dengan “gelombang ketiga” yang sedang melanda iaitu ledakan teknologi maklumat. Teknologi yang berkembang pesat ini menyediakan rangkaian lebuhraya maklumat yang membolehkan manusia berhubung dan bertukar maklumat di seluruh dunia dalam masa yang pantas. Fenomena ini telah menjadikan dunia begitu kecil seperti “desa sejagat”. Perkembangan mutakhir ini telah menimbulkan banyak persoalan mengenai perlunya sebuah negara-bangsa Malaysia.

Ramai orang mengatakan akibat dari perkembangan terbaru ledakan teknologi maklumat yang berlaku mutakhir ini Malaysia dan negara lain tidak perlu lagi kepada kewujudan sebuah negara-bangsa. Sejauhmana pendapat ini benar khususnya kepada negara kita yang dihuni oleh penduduk yang berbagai kaum dan budaya? Pendapat ini sebenarnya tidak tepat. Rakyat yang bersatu padu dan mempunyai semangat nasionalisme serta patriotisme yang tinggi masih diperlukan malah dengan fenomena baru ini ia menjadi semakin penting untuk terus memelihara kewujudan sebuah negara-bangsa.

Nasionalisme dan patriotisme menjadi sangat perlu sebagai senjata untuk memelihara keutuhan negara dan membina kekuatan dalaman daripada ancaman asing dalam bentuk baru seperti globalisasi (Abdul Rahman Embong, 1997). Kita harus menerima hakikat bahawa Malaysia terdiri daripada pelbagai kaum yang mengamalkan pelbagai budaya. Jurang perbezaan besar yang wujud antara kaum telah sengaja dibuat sejak zaman penjajah Inggeris lagi bagi memenuhi kehendak dan matlamat mereka untuk mencari keuntungan (Malik Munip, 1981). Perpecahan dan perasaan kekitaan yang begitu tebal di kalangan rakyat pada di waktu itu menjadi penghalang wujudnya perpaduan, semangat nasionalisme dan patriotisme.

Pada hari ini kita akui bahawa wujud perpaduan dalam masyarakat kita, namun kita juga harus menerima hakikat bahawa masyarakat yang tidak diintegrasikan sepenuhnya bersifat rapuh. Jurang perbezaan yang masih

belum kabur wujud di antara mereka dengan mudah boleh menjadi pemangkin kepada masalah perkauman yang memudaratkan. Keadaan yang tidak tenteram akan mendorong anasir dari luar dan dalam dengan mudah mengambil peluang untuk melaksanakan cita-cita politik mereka. Maka semangat nasionalisme dan patriotisme perlu ditanam dalam setiap jiwa rakyat Malaysia untuk menjamin kedaulatan sebuah negara yang merdeka terus terpelihara.

Semangat nasionalisme lama sebelum merdeka yang dipegang oleh setiap kaum mesti dibuang jauh-jauh. Semangat nasionalisme yang mereka amalkan selama ini berteraskan kepada kaum masing-masing. Orang bukan Melayu masih menumpukan perhatian mereka ke tanah besar China dan India kerana mereka tidak menganggap Tanah Melayu sebagai tanahairnya, sementara orang Melayu menumpukan perhatian kepada Timur Tengah dan Indonesia sebagai teras perjuangan mereka (Rustam Sani, 1992). Semangat nasionalisme yang berteraskan negara Malaysia sebagai paksi taat setia rakyat tanpa belah bagi mesti diutamakan untuk menjamin kelangsungan negara dari ancaman musuh.

Semasa kita mencapai kemerdekaan pada zahirnya kita hanya mendapat sebuah negara (*state*) daripada penjajah Inggeris. Mereka hanya menyerahkan Tanah Melayu yang dikenali dengan nama Persekutuan Tanah Melayu yang sempadannya ialah Thailand di sebelah utara dan Singapura di sebelah selatan. Mereka tidak meninggalkan penduduk yang tinggal di negara kita sebagai satu bangsa.

Konsep bangsa *nation* yang sebenarnya belum wujud lagi kerana penduduk pada masa itu didukung oleh faham perkauman yang terlalu tebal. Kaum terbesar masih dikenali mengikut sektor pekerjaan dan tempat tinggal. Keadaan berpuk-puk penduduk Malaysia masih jelas kelihatan walaupun negara telah mencapai kemerdekaan. Perasaan iri hati dan tidak percaya antara kaum terus berlaku sehingga akhirnya meletus tragedi berdarah 13 Mei 1969 (Leon Comber, 1993 dan Haris Md. Jadi, 1990). Untuk mengatasi masalah ini kerajaan telah menjalankan banyak dasar seperti DPK, DEB dan DKK yang bertujuan menyusun semula masyarakat. Namun sehingga hari ini jurang perbezaan antara kaum masih lagi besar. Struktur sosial, ekonomi dan politik masih tidak banyak yang berubah. Justeru itu tidak hairanlah jika ada sarjana yang membuat kesimpulan bahawa Malaysia belum lagi mencapai taraf negara bangsa tetapi sebagai satu negara banyak bangsa (Ahmad Fawzi Basri, Mohd. Mustafa Ishak dan Mohamad Idris Saleh, 1994). Menyedari hakikat ini, tibalah masanya bagi negara mengorak langkah untuk melahirkan sebuah bangsa Malaysia yang belum terlaksana. Keperluan untuk Malaysia melahirkan sebuah bangsa ini pernah disokong oleh Dr. Mahathir Mohamad dalam ucapannya semasa pelancaran Rancangan Pemasarakatan Perpaduan di Kuala Lumpur:

"... kita menjadi bangsa Malaysia hanya sebagai politikal identiti sahaja, ... matlamat kita ialah satu bangsa Malaysia yang mudah dikenali sebagai unik bagi warganegara Malaysia tanpa menghapuskan unsur-unsur budaya kaum-kaum yang berlainan keturunan"  
(Mahathir Mohamad, 1 Ogos, 1998; 2).

Pada masa ini dan mungkin pada masa akan datang pada zahirnya kita tidak nampak penjajahan seperti yang pernah dilakukan oleh penjajah akan berulang lagi dalam bentuk asal. Namun kita harus waspada kepada ancaman baru samada dari luar atau dalam. Penjajahan dalam bentuk baru atau neo-kolonialisme sebenarnya boleh berlaku pada bila-bila masa sahaja. Mereka boleh menjajah walaupun secara tidak langsung seperti menguasai pemikiran, ekonomi atau budaya mereka yang diterima oleh penduduk tempatan tanpa sedar. Orang yang berfikiran seperti penjajah masih ada dan akan terus ada. Selagi mereka itu ada maka selagi itu dunia sebenarnya berada dalam keadaan terancam.

Apakah jaminan negara yang sudah merdeka tidak akan dijajah lagi? Apabila dijajah segala nikmat yang dikecapi akan hilang dalam sekelip mata kerana kecuaihan, kelalaian dan kelemahan sikap kita sendiri. Dalam keadaan dunia memasuki era yang semakin maju dan canggih, penjajahan, penindasan dan penghinaan ke atas kita boleh dirangka dalam pelbagai bentuk baru samada melalui minda, gaya hidup dan sebagainya. Musuh negara ada di mana-mana, mereka sentiasa mencari jalan untuk memecahbelahkan keharmonian kaum dan ingin menjatuhkan negara dengan apa cara sekalipun. Jika kita leka, cuai dan lupa kepada sejarah, tidak mustahil Malaysia akan jatuh sekali lagi ke tangan musuh. Perpecahan dan konflik kaum yang berlaku di dunia akhir-akhir ini seharusnya menjadi pengajaran kepada kita supaya lebih waspada (Zainal Abidin Abdul Wahid, 1997). Di sinilah letaknya kepentingan semangat nasionalisme dan patriotisme yang tinggi di kalangan rakyat.

Semangat nasionalisme dan patriotisme mesti dipupuk dan disebarluaskan kerana ia akan

melahirkan pula semangat patriotisme iaitu sanggup berkorban demi negara seperti berjuang mempertahankan negara daripada ancaman asing (Awang Had Salleh, 1985). Bagaimanapun, nasionalisme yang hendak ditanam mestilah melihat nasionalisme yang bersifat positif. Nasionalisme sempit yang berpaksikan perkauman hendaklah ditolak jauh-jauh. Nasionalisme seperti ini akan hanya mendorong kepada perpecahan dan mengundang kepada kemunduran dan kemusnahan kerana konflik dan peperangan yang berpanjangan. Nasionalisme Malaysia yang tidak berteraskan kepada perkauman diharapkan dapat mengikat rakyat menjadi bangsa Malaysia yang bersatu padu. Usaha mewujudkan bangsa Malaysia yang bersatu padu pada masa depan perlu bermula dari sekarang yang penuh dengan kebimbangan dan ketidakpastian. Masa depan bangsa Malaysia yang unggul dengan kerjasama, perpaduan dan tolak ansur hanya wujud jika batas-batas perkauman dan jurang ketidakseimbangan yang menjadi pembahagi antara kaum menjadi kabur atau dapat dihapuskan langsung dari pandangan.

Sikap dan kesedaran rakyat juga penting dalam menentukan kejayaan sebuah negara-bangsa. Pemupukkan sikap dan kesedaran yang tinggi boleh dicapai melalui pendidikan. Tindakan Kementerian Pendidikan mewajibkan mata pelajaran Sejarah diajar di peringkat sekolah rendah dan menengah adalah tepat dan kena pada masanya kerana melalui sejarah jati diri rakyat dan negara dapat ditanam. Melalui sejarah seseorang itu akan dapat mengetahui dan memahami berbagai peristiwa termasuk pertumbuhan, perkembangan dan pembangunan malah kemerosotan diri, bangsa dan negara.

Pengetahuan dan pemahaman tentang asal usul dan perkembangan tamadun manusia masa lampau boleh membantu generasi hari ini menghargai segala bentuk warisan, usaha dan sumbangan manusia yang terdahulu. Penghargaan ini boleh mendorong seseorang itu memiliki perasaan bangga dan sayang kepada diri, keluarga dan bangsanya. Jati diri akan timbul bila seseorang itu mengetahui kelemahan dan kebaikan yang ada pada diri, keluarga, bangsa dan negaranya. Sebagai contoh seseorang itu tidak akan merasa malu malah bangga bercakap dalam bahasa Melayu dengan fasih dan baik kerana dia tahu bahawa bahasa Melayu satu ketika dahulu merupakan bahasa ilmu dan perantaraan di Kepulauan Melayu. Semua orang yang berurusan di sini perlu mengetahui dan menguasai bahasa Melayu. Apabila Inggeris mengadakan perjanjian dengan raja-raja Melayu, segala dokumen perjanjian dibuat dalam bahasa Melayu yang menggunakan tulisan Jawi. Rasa bangga ini akan mendorong mereka merasa perlu untuk mempertahankan, menyuburkan dan mengembangkannya bahasa tersebut.

Perasaan bangga kepada apa yang dimiliki oleh diri dan bangsa akan beralih pula kepada negara. Perasaan bangga kepada negara ini akan bertukar pula kepada cintakannya apabila mer getahui dan memahami tentang fakta negaranya. Perasaan cinta akan mendorong pula kepada tindakan sanggup berjuang untuk mempertahankan kedaulatan negara. Perjuangan dalam erti kata yang lebih luas tidak semestinya berperang dengan senjata sahaja. Banyak perkara boleh dilakukan antaranya seperti sentiasa berusaha mengisi kemerdekaan dengan perkara-perkara yang baik, sentiasa berusaha memajukan negara mengikut kepakaran dan kebolehan masing-masing serta tidak melakukan perkara-perkara yang boleh memudaratkan negara seperti memburuk-burukan negara kepada dunia luar dan lain-lain lagi.

Sejarah boleh menjamin kestabilan politik dalam bentuk mewujudkan asas jati diri bagi membangkitkan rasa kepunyaan dan seterusnya membangkitkan perasaan cinta dan rasa bangga kepada diri, keluarga, bangsa dan negara. Perasaan cinta kepada negara boleh timbul jika kita memahami latarbelakang sejarah sesebuah negara. Sebagai contoh, orang bukan Melayu dengan lapang dada akan menerima Malaysia sebagai negaranya jika mereka tahu pengorbanan orang Melayu dan UMNO semasa pilihanraya umum tahun 1955. Pada hakikatnya orang Melayu boleh memenangi pilihanraya tanpa perlu bekerjasama dengan MCA dan MIC kerana majoriti pengundi pada masa itu adalah orang Melayu (Zainal Abidin Abdul Wahid; Adnan Hj. Nawang, 1985). Mereka sepatutnya berterima kasih kepada orang Melayu yang sanggup berkongsi kuasa dengan mereka. Kepada orang Melayu yang merupakan teras politik negara pula tidak harus menafikan kewujudan masyarakat lain yang telah turut sama menyumbang kepada kemajuan dan kemakmuran negara sehingga hari ini. Kerana itu, toleransi mesti menjadi kunci utama yang harus dipegang oleh semua kaum di Malaysia untuk menjamin perpaduan dan keharmonian kaum.

Semua rakyat Malaysia sepatutnya bangga menjadi warganegara. Mereka sepatutnya sayang kepada negara apabila mereka mengetahui dan memahami tentang fakta negaranya. Perasaan sayang ini akan mendorong mereka sanggup berjuang demi mempertahankan maruah dan kedaulatan negara. Setiap warganegara yang sayang akan negaranya akan mengutamakan negara melebihi diri, keluarga dan kaum masing-masing.

Sejarah sesuatu bangsa juga boleh dijadikan panduan untuk kita menjalani masa depan yang lebih cemerlang dengan mengambil iktibar daripada peristiwa sejarah yang pernah berlaku. Sebagai manusia kita memang sering melakukan kesalahan. Kita boleh mengelak dari terus mengulangi kesalahan yang pernah dilakukan oleh generasi yang

terdahulu hanya dengan belajar dari sejarah. Ia boleh membantu kita untuk meramal apa akan terjadi kepada kita dan negara jika kita terus mengulangi kesilapan yang pernah dilakukan. Di samping itu ia juga boleh memberi kita panduan apa yang sepatutnya kita lakukan supaya bukan sahaja dapat mengatasi masalah itu tetapi menjadikannya lebih baik.

Malaysia merupakan sebuah negara yang penduduknya terdiri daripada masyarakat majmuk. Jika penduduk Malaysia masih ditentukan dengan garis perkauman yang tebal di antara mereka maka konflik perkauman boleh berlaku pada bila-bila masa sahaja. Keadaan seperti ini sebenarnya amat bahaya. Keadaan di luar nampak cantik dan tenang tetapi di dalam amat bergelora. Situasi ini sama seperti "api dalam sekam" atau menyimpan sebutir bom jangka yang akan meletup bila tiba masanya. Jika keadaan ini dibiarkan berterusan tidak mustahil satu hari nanti peristiwa hitam 13 Mei 1969 akan berulang lagi. Keadaan ini akan diburukkan lagi dari ancaman musuh yang sentiasa menunggu peluang untuk mengambil kesempatan. Mereka ada di mana-mana dan ancaman mereka boleh datang dari dalam atau luar. Ia datang tidak kira masa dan bentuk samada secara langsung atau tidak. Keadaan huru-hara dan kekacauan yang timbul akibat dari masalah perkauman dan ancaman musuh ini merugikan negara. Negara tidak akan maju kerana masa dan kos yang tinggi digunakan untuk menangani masalah ini.

Kerana itu untuk memastikan sejarah perselisihan kaum tidak berulang lagi langkah berani yang diambil oleh kerajaan untuk menangani masalah ini seperti menyusun semula masyarakat melalui dasar-dasar yang dijalankan selepas peristiwa 13 Mei 1969 merupakan langkah baik dan patut dipuji. Tidak syak lagi bahawa ia merupakan langkah positif menuju pembentukan sebuah negara-bangsa. Semangat nasionalisme dan patriotisme yang tinggi serta perubahan sikap boleh menjadi pemangkin dan pelengkap kepada usaha kerajaan ini. Setiap warganegara sepatutnya bersedia menggantikan nasionalisme sempit berasaskan perkauman kepada nasionalisme kebangsaan lantas melahirkan pula semangat patriotisme yang tidak berbelah bagi terhadap negara. Generasi hari ini harus insaf dan menilai semula kedudukan masyarakat pada masa dahulu dan menjadikannya sebagai panduan dan iktibar untuk membentuk sebuah negara-bangsa Malaysia yang bersatu padu, dihormati dan berdaulat.

Kepentingan sejarah sesuatu bangsa juga amat penting. Sebuah negara-bangsa seharusnya berteraskan kepada sejarah masyarakat peribumi bagi memantapkan lagi pembinaan negara-bangsa. Di Malaysia, bangsa Melayu harus terus memainkan peranan utama bagi keutuhan dan keselamatan negara-bangsa. Bangsa Malaysia yang mengamalkan budaya Malaysia yang berteraskan budaya Melayu akan menjadi teras keutuhan dan kekuatan bangsa amat penting untuk berhadapan dengan ancaman termasuk pencerobohan kuasa asing. Ia akan terus berperanan sebagai benteng kekuatan walaupun ketika bangsa Malaysia khususnya orang Melayu berada di perantaraan. Sebab itulah sejarah penting bagi melanjutkan usaha pembinaan bangsa dan negara berdasarkan peristiwa masa lampau, dan membentuk perubahan yang bersesuaian dengan keadaan semasa dalam usaha untuk membina dan menghadapi cabaran baru.

## Penilaian dan Penutup

Secara umumnya kenegaraan adalah satu kursus yang memperkatakan dan membincangkan keperluan yang sangat penting dalam soal-soal bernegara. Kursus yang diadun dari berbagai disiplin ilmu ini melahirkan warganegara yang bertanggungjawab untuk menjamin kelangsungan sesebuah tamadun, bangsa dan negara. Walaupun Malaysia sedang menuju ke arah sebuah negara maju dan terdedah kepada globalisasi yang melanda akibat daripada ledakan teknologi maklumat, pembinaan sebuah negara-bangsa Malaysia yang bersatu padu masih diperlukan.

Di sebalik kebaikan ledakan teknologi maklumat dan perkembangan sains dan teknologi ia telah menjadi cabaran baru kepada pembentukan sebuah negara-bangsa. Ancaman itu sebenarnya mempunyai kebaikan tersendiri iaitu dapat menyedarkan kita semula akan keperluan dan kepentingan memiliki warganegara yang baik untuk menjamin kelangsungan sebuah negara-bangsa.

Nasionalisme Malaysia perlu dibugarkan kembali sesuai dengan keperluan negara kini. Kemerdekaan yang telah dicapai pada 31 Ogos, 1957 bukan bermakna kita boleh lepas tangan dan mengharap pada orang lain menjaganya. Penjajahan kuasa besar ke atas kuasa lain masih berlaku di zaman moden ini. Lihat sahaja apa yang berlaku di Iraq, bagaimana sebuah negara yang telah begitu lama bertamadun boleh jatuh ke tangan Amerika dalam hanya beberapa minggu sahaja. Pembrengan semangat nasionalisme ini perlu dilakukan terutama kepada generasi muda bukan sahaja kepada Malaysia malah

banyak negara di dunia hari ini kerana mereka kurang menghayati semangat nasionalisme. Mereka yang lahir selepas merdeka tidak pernah merasai dan mengharungi pahit-maung hidup di zaman penjajah dan berjuang menuntut kemerdekaan. Kemudahan dan kesenangan yang mereka miliki selepas merdeka menjadikan mereka lupa akan tanggungjawab untuk memelihara kemerdekaan yang mereka warisi hasil dari perjuangan dan pengorbanan generasi terdahulu. Ditambah pula dengan struktur masyarakat yang wujud di Malaysia sekarang memberi isyarat bahawa sebarang kemungkinan perkara negatif boleh berlaku dengan mudah jika tidak ditangani secara serius oleh semua pihak. Sesuai dengan senario di atas, nasionalisme dan patriotisme di kalangan rakyat negara ini perlu terus dibajai dan disuburkan semula untuk melahirkan sebuah negara-bangsa yang mempunyai warganegara yang baik dan bertanggungjawab menjadi kenyataan.

### Isi-Isi Penting

- Bangsa Melayu adalah penduduk asal negara ini dan pengasas kepada tamadun negara.
- Budaya Melayu telah menjadi teras kepada budaya dan politik negara ini.
- Kedatangan penjajah mengubah struktur politik dan kemasyarakatan Malaysia.
- Penjajah memberi kemerdekaan dengan membiarkan semangat perkauman yang begitu tebal di kalangan kaum-kaum utama di negara ini.
- Perpaduan dan keharmonian hanya wujud apabila semua kaum sanggup mengeneppikan batas perkauman dan diintegrasikan ke dalam sebuah bangsa.
- Kedaulatan negara dapat dipertahankan apabila warganegara menyedari dan melaksanakan tanggungjawab masing-masing.

### Temma-Temma Penting

|               |                |
|---------------|----------------|
| Negara        | Globalisasi    |
| Bangsa        | Budaya         |
| Negara-bangsa | Pluralisme     |
| Nasionalisme  | Liberalisme    |
| Patriotisme   | Neo-feudalisme |
| Nasionaliti   | Demokrasi      |
| Majmuk        | Integrasi      |

### Soalan-Soalan Ulangkaji dan Perbincangan

1. Apakah bentuk nasionalisme yang diamalkan di Malaysia sebelum merdeka?.
2. Bincangkan cabaran-cabaran yang perlu dihadapi oleh negara yang mempunyai masyarakat majmuk. Pada pandangan anda, apakah kaedah terbaik yang boleh digunakan bagi mengatasi cabaran tersebut?
3. Terangkan proses-proses yang perlu dilalui bagi sesebuah negara untuk mencapai taraf sebuah negara-bangsa.
4. Bincangkan kenapa Malaysia perlu membentuk sebuah negara-bangsa.
5. Apakah cabaran-cabaran yang timbul dalam membina, mengukuh dan mempertahankan sebuah negara-bangsa?